

# Tambah NGO

## ■ Penyertaan badan bukan kerajaan dalam PBT ditingkatkan



Oleh **SYAH RUL ASWARI ABDULLAH**

srul@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**enyertaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti terkandung dalam manifesto Barisan Nasional,

(BN) dapat membantu menyampaikan maklumat tepat kepada golongan sasaran.

Pakar Sosial Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, NGO boleh menjadi mata dan telinga kerajaan dalam mengenal pasti isu masyarakat setempat khususnya golongan terpinggir seperti ibu tunggal mahu pun gelandangan.

“Kerajaan tidak mampu memasuki semua pelosok kawasan bandar dalam menyampaikan maklumat atau polisi tertentu.

Dalam hal ini, NGO boleh memainkan peranan supaya maklumat ini dapat disam-

paikan dengan betul.

“Sesetengah pihak lebih gemar merujuk NGO apabila berdepan sesuatu isu.

“Kerjasama ini membolehkan kerajaan tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat lebih berkesan,” katanya.

Dr Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) itu yakin semua pihak termasuk NGO menyambut baik cadangan itu.

Bagaimanapun, katanya, NGO perlu dipilih di kalangan yang tidak mencetuskan isu, sebaliknya mahu berganding bahu dengan kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan tertentu.

“Kita tak mahu NGO terlibat hanya menuding jari, memporak-perandakan kehidupan rakyat,” katanya.

### Info

Meningkatkan Kehidupan Warga Bandar



**Lebih 70 peratus penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar dan BN melipatgandakan usaha membawa perubahan struktur besar bagi menangani corak populasi semasa.**

**Lebih banyak langkah diambil bagi memastikan pusat bandar dibangunkan secara sistematik dan terancang bagi mengekalkan kualiti hidup.**

**Dalam tempoh 5 tahun ini, kami berjanji untuk:**

- Mewujud kementerian baru seiring dengan anjakan corak demografi bandar di negara ini dan menangani cabaran sosial dan ekonomi bandar
- Menambah perwakilan NGO dan masyarakat awam dalam kerajaan tempatan
- Memulihkan semula rumah kos rendah dan flat di bandar
- Mengambil alih penyelenggaraan prasarana perumahan awam
- Menyediakan perumahan awam berkualiti khusus untuk generasi muda yang mencari kerja
- Membina kemudahan dan kawasan rekreasi bagi meningkatkan kualiti hidup di bandar
- Memastikan kemudahan pendidikan, latihan, perkhidmatan kesihatan mencukupi
- Menambah baik rangkaian pengangkutan antara bandar dan penempatan
- Membuka lebih banyak Anjung Singgah (pusat perlindungan sementara untuk golongan gelandangan)


**Setakat ini, kami telah:**

- Membuka 3 Anjung Singgah kepada golongan gelandangan
- Membuka 6 lagi Anjung Singgah di kawasan bandar
- Menambah peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia kepada RM40 juta pada 2013
- Membuka Pusat Transformasi Bandar (UTC) untuk memastikan kelancaran perkhidmatan awam dan swasta di Kuala Lumpur, Melaka dan Ipoh
- Membuka 6 lagi UTC di Alor Setar, Kuantan, Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching
- Melaksanakan Skim Insurans Berkelompok peniaga dan peniaga kecil
- Skim Perlindungan Insurans Berkelompok anggota tentera dan polis dengan peruntukan RM12 juta



“**Pembukaan lebih banyak Anjung Singgah membantu mereka yang tidak bernasib baik memulakan hidup di kota”**

**Siti Marina Musa**  
Jururawat



“**Penyertaan lebih banyak NGO adalah langkah positif menyampaikan dasar kerajaan dengan berkesan”**

**Mohd Taib Mohd Daud**  
Pekerja syarikat sekuriti

## Info

### Menyediakan Rumah Mampu Milik



Dasar Kerajaan BN adalah memastikan bekalan semua jenis rumah untuk rakyat mencukupi.

Selain membina rumah baru, masalah unit yang perlu dinaik taraf dan dibaiki juga ditangani kerajaan BN dengan memberi peruntukan dana RM500 juta.

Sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk membaiki rumah nelayan di seluruh negara.

**Dalam tempoh 5 tahun ini, kami berjanji untuk:**

- Membina 1 juta rumah mampu milik - digerakkan sektor awam dan swasta - termasuk 500,000 rumah PR1MA
- Memastikan harga rumah PR1MA sekurang-kurangnya 20 peratus daripada harga pasaran
- Skim sewa dan milik untuk projek perumahan kerajaan
- Memulihkan semula projek perumahan terbengkalai untuk melindungi pembeli rumah
- Mengambil alih penyelenggaraan semua Projek Perumahan Awam
- Membantu pemilik rumah berpendapatan rendah dan miskin memperbaiki rumah
- Menggantikan kawasan setinggan dengan kawasan perumahan tetap yang selesa
- Memperbaiki perumahan estet dan menyediakan rumah untuk bekas pekerja estet melalui perkongsian Kerajaan-Estet
- Memansuhkan yuran setem untuk pembelian rumah pertama di bawah RM400,000

**Setakat ini, kami telah:**

- Membina 23,000 pangsapuri kos rendah dan sederhana, Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik pada 2013
- Memperuntukkan RM543 juta untuk 45 projek di bawah Program Perumahan Rakyat bagi pembinaan 20,500 unit rumah
- Memulihkan 126 projek perumahan terbengkalai membabitkan 30,000 unit
- Menyediakan RM307 juta pada 2012-2013 untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai
- Menyediakan kemudahan tabung RM1.2 bilion untuk PR1MA bagi pembinaan 80,000 rumah di lokasi permintaan tinggi pada 2013
- Memberi pengecualian duit setem 50 peratus bagi pindahan dan perjanjian pinjaman untuk pembelian hartanah pertama bernilai RM400,000



“**Ramai eksekutif muda belum memiliki rumah kerana harga tinggi. Projek PR1MA bantu mengatasi masalah ini”**

**Ridzuan Abu Bakar**  
Eksekutif



“**Dengan komitmen BN melancarkan banyak projek rumah mampu milik, saya harap impian memiliki rumah terlaksana”**

**Fazrin Abd Hamid**  
Jururawat

## Bina sejuta rumah mampu milik



**Kuala Lumpur:** Hasrat kerajaan Barisan Nasional (BN) menyediakan 1 juta rumah mampu milik menerusi manifesto yang dilancarkan malam tadi dilihat dapat membuka lebih banyak kawasan penempatan baru dan memberi manfaat ekonomi kepada penduduk sekitarnya.

Pengurus Besar Konsortium Kontraktor Melayu Sdn Bhd (KKM), Kamaruddin Mohd Salleh berkata, pada masa sama,

projek itu membuka peluang perniagaan kepada kontraktor Bumiputera sekali gus merangsang pertumbuhan sektor pembinaan tempatan.

Pada masa sama katanya, usaha itu memberi peluang kepada lebih ramai penduduk berpendapatan rendah dan sederhana terutama di kawasan bandar memiliki kediaman.

“Janji BN membina 1 juta rumah mampu milik termasuk 500,000 rumah PR1MA itu menunjukkan kerajaan mengambil berat kepentingan rakyat apabila mengagihkan semula sebahagian sumber pendapatan negara kepada warga negara.

“Projek ini bersama banyak lagi inisiatif lain dapat dilaksanakan bagi meringankan beban rakyat

dan membolehkan mereka menikmati kehidupan lebih baik,” katanya.

Sehingga kini, lebih 100,000 rumah PR1MA dilancarkan untuk manfaat rakyat layak yang berusia lebih 21 tahun, memiliki rumah, sama ada bujang atau berkeluarga.

Ia membabitkan 25,000 unit di Johor, 11,000 (Negeri Sembilan), 10,000 (Pulau Pinang), 10,000 (Melaka) dan terbaru 50,000 diumumkan akan dibina di sekitar Lembah Klang.

Harga rumah dibangunkan PR1MA antara RM100,000 dan RM400,000 seunit, bergantung lokasi dan pembangunan sekitar kawasan berkenaan, iaitu 20 peratus lebih rendah berbanding rumah dalam kelas dan sekitar lokasi sama.